



Headline	MAPEX Pahang tawar 3,252 unit hartanah
MediaTitle	Berita Harian
Date	06 Oct 2016
Section	Nasional
Page No	30
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



MAPEX Pahang tawar 3,252 unit hartanah

Kuantan: Pameran Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) Pahang 2016 yang bakal berlangsung tiga hari bermula 14 hingga 16 Oktober ini menawarkan 3,252 unit pelbagai jenis hartanah bernilai RM1.25 bilion.

Pengerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Pahang, Chua Say Chai, berkata pameran yang berlangsung di pusat beli-belah Kuantan Parade, di sini, turut menyasarkan perolehan jualan berjumlah lebih RM600 juta.

Beliau berkata, ia akan disertai 29 pemaju termasuk Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang menawarkan hartanah perumahan dan komersial bernilai antara RM150,000 hingga RM1.1 juta seunit

Kediaman pelbagai jenis

"Unit hartanah yang ditawarkan memabitkan rumah kediaman pelbagai jenis termasuk teres, kembar, bertingkat, kondominium, rumah kedai, pejabat dan lot komersial.

"Sebanyak 29 gerai jualan dan pameran akan ditempatkan di ruang legar pusat beli-belah berkenaan bagi memudahkan orang ramai membuat pilihan memiliki kediaman sendiri," katanya, di sini, semalam.

Say Chai berkata, daripada 3,252 unit hartanah ditawarkan sepanjang tiga hari pameran itu berlangsung, sebanyak 2,699 adalah di seluruh negeri ini, manakala 530 unit hartanah di Melaka, 15 lagi di Kuala Lumpur dan tujuh unit di Terengganu.

Katanya, ekspo ini diadakan bagi memudahkan orang ramai membuat pilihan dan merujuk maklumat perumahan yang ditawarkan di negeri ini.

"MAPEX adalah satu platform ideal untuk orang ramai bertemu pemaju, pembiaya kewangan dan pakar hartanah dengan pelbagai hartanah kediaman serta komersial di bawah satu bumbung.

"Kita yakin orang ramai akan datang ke pameran ini kerana pelbagai unit rumah dan lot komersial ditawarkan," katanya.